

RMKe-12 terima suntikan idea ekonomi lebih inovatif

Kementerian rangka segera dasar rangsang komuniti perniagaan, pelabur, pengguna

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz
@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan merangka Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan idea baharu yang lebih inovatif, progresif dan strategik.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ketika ini kementeriannya diberi tanggungjawab besar untuk membina ekonomi Malaysia melalui penyediaan (RMKe-12) yang akan dibentangkan di Parlimen, hujung tahun ini.

"Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab untuk menggubal dasar ekonomi, kita harus ambil maklum anjakan kuasa ekonomi dari Barat ke Asia pada hari ini memerlukan Malaysia bertindak pantas mencipta kerjasama strategik yang baharu di peringkat global.

"RMKe-12 akan dijajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2000 (WKB2000). Ia akan diterjemahkan daripada sebuah wawasan kepada pelaksanaan konkret dan matlamat yang boleh dinilai, secara objektif," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Amanat bersama warga

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi semalam. Yang turut hadir, timbalannya, Senator Dr Radzi Jidin dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Saiful Anuar Lebal Hussin.

Menjadi tanggungjawab kementerian itu untuk memastikan matlamat utama WKB2000 dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam RMKe-12 tanpa pengaruh politik dan kepentingan kelompok seperti yang sudah berlaku berdekat lalu.

Dalam ucapannya, Azmin juga berkata, kementeriannya ketika ini akan segera merangka dan melaksanakan dasar yang rangsang komuniti perniagaan, pelabur dan pengguna iaitu secara memahami kehendak dan keperluan mereka.

"Meskipun kadar pengangguran masih kekal pada 3.3 peratus, dilaporkan graduan baru semakin sukar untuk mendapat pekerjaan dan pasaran buruh juga semakin mencebur apabila beberapa syarikat mengumumkan langkah untuk mengecilkan tenaga kerja masing-masing.

"Mereka yang dibuang kerja pastinya sukar untuk mendapat



Mohamed Azmin Ali

pekerjaan baharu. Syarikat dan industri pembuatan mengalami kos operasi yang semakin tinggi, termasuk gangguan kemajuan digital dan teknologi.

"Kita tidak boleh mengharungi tahun 2020 dengan sikap dan budaya kerja 'business as usual'. Kita perlu memecut dengan kelajuan yang lebih tinggi, bekerja dengan lebih pantas, cekap, lebih teliti dan lebih kemas. Kita perlu lebih inovatif untuk membawa pembaharuan," kata-nya.

Beliau berkata, kementerian itu juga akan menjadi penganjur program 'Structural Reform Mi-

nisterial Meeting' (SRMM) pada Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Ogos ini.

"Tiga teras utama dijangka menjadi agenda mesyuarat berkenaan ialah menggalakkan pasaran terbuka, efisien, telus dan berdaya saing, menggalak penyertaan ekonomi oleh semua lapisan masyarakat dan pelaksanaan dasar sosial yang mampan, berkesan dan tiada diskriminasi."

"Sekali lagi, kita berdepan dengan cabaran yang amat besar dalam suasana kita sedang sibuk menyiapkan RMKe-12 dan kementerian diberikan satu lagi tugas untuk menjadi penganjur kepada SRMM dan menggalakkan dasar-dasar baru ekonomi.

"Ia membabitkan ekonomi negara APEC dan cabaran ini perlu digalas secara kolektif dan saya meletakkan keyakinan yang cukup tinggi kepada Ketua Setiausaha dan semua Ketua Jabatan serta pegawai supaya kita berjaya meletakkan kementerian ini ke tahap yang cemerlang dalam melaksanakan tugas yang diberikan," katanya.

Tukar nama bukan sebab politik

Kuala Lumpur: Penjenamaan semula nama Kompleks Jabatan Perdana Menteri (JPM) Parcel B kepada nama baharu Kompleks Setia Perdana berkuat kuasa 1 Februari nanti adalah usaha berterusan menamakan semula kompleks kerajaan di Putrajaya.

Jabatan Perdana Menteri dalam kenyataan dislackan di Facebook rasminya semalam, berkata nama yang digunakan kini adalah Kom-

pleks Parcel A hingga F, adalah nama asal ketika sesi pembangunan Putrajaya 25 tahun dulu.

"Usaha penjenamaan semula ini tidak tunggang bersifat politik, bahkan nama dipilih adalah hasil daripada pertandingan yang diadakan awal tahun lalu dalam kalangan penjawat awam di Kompleks B," katanya.

Penjenamaan semula ini berkuat kuasa 1 Februari ini sempena sambutan Hari Wilayah.